

TEKS UCAPAN
SETIAUSAHA PERBANDARAN
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MAJLIS PELANCARAAN SISA SIFAR AGENSI DADAH KEBANGSAAN,
BUKIT MERTA JAM
23 DISEMBER 2015 (RABU), 9.30 PAGI

Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha En. Yap Chung Hong

Pengarah Klinik Cure And Care Bukit Mertajam

Ketua - ketua Jabatan

Lembaga Pelawat

Penghuni - penghuni AADK Bukit Mertajam

Rakan - rakan Media

Tuan - tuan dan puan - puan yang dihormati sekalian

.....

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Selamat pagi dan salam sejahtera,

1. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kerana sudi menjemput saya ke Majlis Pelancaran Sisa Sifar Agensi Dadah Kebangsaan pada pagi yang berbahagia ini.

Para Hadirin yang dihormati sekalian,

2. Saya amat berbesar hati, apabila dijemput untuk melancarkan Program Sisa Sifar Di Agensi Dadah Kebangsaan Bukit Mertajam. Ini kerana untuk makluman hadirin semua, AADK Bukit Mertajam merupakan perintis dikalangan agensi - agensi kerajaan seluruh Seberang Perai dalam melaksanakan program sisa sifar, iaitu pengasingan bahan-bahan buangan kepada kumpulan barangan yang boleh dikitar semula, tidak boleh dikitar semula dan sisa organik.

3. Program jalinan kerjasama antara AADK dan MPSP ini adalah merupakan cetusan idea, Ahli Majlis MPSP sendiri, iaitu En. Mustapha Kamal. Keterbukaan AADK dalam menerima MPSP untuk menjalankan program sisa sifar merupakan langkah mula yang penting untuk membentuk sebuah komuniti yang lestari.

4. Sisa sifar merupakan satu elemen yang penting kerana semakin kurang sampah yang dihasilkan, maka kita dapat memanjangkan jangka hayat tempat pelupusan sampah yang sedia ada iaitu di Pulau Burung. MPSP membelanjakan RM 8096,269.08 bermula dari Jan 2015 sehingga November 2015 untuk menguruskan 400805.40 tan sampah di Tapak Pelupusan Pulau Burung. Kos ini hanya Kos "Tipping Fees" di Pulau Burung, tidak termasuk gaji, kos minyak dan penyelenggaraan kenderaan. Jika ditambah dengan kos ini, penjimatan adalah berkali ganda. Lebih daripada 50 % sampah adalah sisa domestik. Jika kita dapat menjalankan kitar semula dan pengkomposan, ia dapat mengurangkan banyak sampah yang dihantar ke tapak pelupusan. Oleh itu, kerjasama diantara agensi kerajaan seperti AADK dan MPSP dalam program-program seperti ini amat dialu - alukan kerana ia memupuk satu ikatan kearah mewujudkan betapa pentingnya kita mengurangkan penjanaaan sisa pepejal atau sampah sarap.

5. MPSP telah memulakan kempen program sisa sifar dalam tahun 2010. Sasaran bagi program ini adalah sekolah-sekolah, kilang dan komuniti. Untuk menjayakan kempen Program Sisa Sifar ini, konsep 4R telah diperkenalkan, iaitu Rethink, Reduce, Reuse dan Recycle. Konsep ini mengajak masyarakat berfikir terlebih dahulu sebelum menghasilkan sampah.

6. Jika dilihat dari penglibatan komuniti, Komuniti Pangsapuri Taman Pandan, Butterworth, merupakan komuniti yang paling berjaya dalam Program Sisa Sifar, di mana penyertaan penghuninya adalah melebihi 40%.

7. Dari segi perindustrian pula, Kilang SONY di Perai boleh diambil sebagai contoh yang baik kerana telah mencapai 96% pengurangan sisa (waste diversion) ke Tempat Pelupusan Sampah Pulau Burung.

8. Bagi program di AADK Bukit Mertajam sasaran ditetapkan adalah terbahagi kepada empat perkara iaitu:

1. Bahan-bahan pepejal yang tidak boleh dikitar semula dibuang sebagai sampah.
2. Bahan-bahan pepejal seperti kertas, kadbod, buku, majalah, tin, aluminium kotak minuman dan botol plastik dikumpul untuk dijual kepada agen.
3. Bagi sisa kantin, yang terdiri daripada minyak masak terpakai ia akan dikumpul untuk dijual kepada agen.
4. Sisa kantin yang terdiri daripada sisa organik pula akan dikomposkan.

Jika program ini berjaya sekurang-kurangnya 80% sisa pepejal dapat dikurangkan dari dihantar ke tempat pelupusan

Para hadirin yang dihormati,

9. Bagi peringkat MPSP sendiri, kami akan memulakan pengasingan sisa di punca bermula pada Januari 2016. Manakala bagi peringkat Negeri Pulau Pinang pula tarikh penguatkuasaan bagi semua lapisan masyarakat melaksanakan pengasingan sisa di punca adalah pada 1 Jun 2016. Kita memilih untuk melaksanakan pengasingan sisa di punca kepada dua(2) aliran sahaja iaitu, barangan yang boleh dikitar semula (kering) dan sampah (termasuk sisa makanan).

10. Mekanisma pengasingan sisa di punca adalah berbeza bagi setiap institusi berikut, yang terbahagi kepada lima(5) kategori, iaitu:

10.1. **Rumah kampung**, yang mana pihak Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) memainkan peranan melaksanakan Dasar Pengasingan Sisa di Punca dengan melantik agen untuk mengutip barangan kitar semula tersebut.

10.2. Bagi **Projek Perumahan Rakyat (PPR)** dan **Kondominium** pula Joint Management Body yang akan memainkan peranan melaksanakan dasar ini dari segi penyediaan tempat kitar semula, saiz tong yang bersesuaian dan juga dari segi aspek perlantikan agen untuk kutipan barangan tersebut.

10.3. Untuk kediaman di kawasan **Taman Perumahan**, setiap penduduk perlu melaksanakan dasar ini dan diamalkan dalam kaedah melupuskan sampah masing - masing. Rangkaian kitar semula yang sedia ada dikekalkan, dan pihak PBTakan mengutip barangan kitar semula yang tidak diambil oleh agensi kitar semula.

Dan bagi institusi yang ke lima, iaitu **komersial dan industri**, pihak pengurusan ke atas dua entiti tersebut dipertanggungjawabkan sepenuhnya ke atas pelaksanaan dasar pengasingan sisa dipunca. Pihak pengurusan juga berhak menetapkan kekerapan kutipan barangan tersebut.

Hadirin yang dirahmati,

9. Jalinan ukhuwah ini, bukan sahaja melibatkan AADK dan MPSP sahaja, namun turut melibatkan sebuah koperasi dari salah satu kawasan di Seberang Perai iaitu, Koperasi Lestari Alam Sekitar Permatang Nibong. Pihak Koperasi ini, telah sudi menghantar seramai lima(5) orang tenaga pengajar, untuk mengadakan sebuah bengkel menjahit beg dari banner - banner terpakai kepada kakitangan AADK dan penghuninya. Bengkel tersebut telah dijalankan pada 16 Disember 2015.

10. Pada tarikh yang sama, pihak MPSP tidak terkecuali dalam mengadakan bengkel latihan pembuatan kompos sisa organik kantin. Bengkel ini telah dikendalikan oleh En. Chew Eng Seng. Bagi membolehkan pihak AADK menjalankan aktiviti kompos sisa organik kantin ini secara berterusan, sebanyak sepuluh (10) buah tong kompos telah dibekalkan.

11. Seperti yang kita sedia maklum, Setiap Ahad pertama dalam setiap bulan, pihak MPSP mengadakan program Car Free Morning di Seberang Jaya. Dimana pihak AADK boleh mendapatkan booth di sana untuk jualan beg - beg banner yang telah dihasilkan. Jaringan jalinan yang terbentuk ini diharap akan berterusan.

12. Program sisa sifar ini secara langsung dapat mendidik, kakitangan dan penghuni AADK khususnya, dan masyarakat amnya, untuk menjadikan pengasingan sisa di punca sebagai satu amalan harian. Bermula dari tempat kerja, hinggalah ke dalam institusi kekeluargaan maka pengemblengan kedua-dua institusi ini pasti dapat menjadikan Seberang Perai dan sekaligus Pulau Pinang sebuah negeri yang mengamalkan pengasingan sisa di punca dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.